



# Membina Rangkaian Perusahaannya Sosial Negara

**M**ALAYSIA berhasrat untuk merangsang penubuhan perusahaan sosial negara sekurang-kurangnya 1000 perusahaan dalam tempoh tiga tahun akan datang. Aspirasi ini dapat direalisasikan melalui pelaksanaan Rancangan Terperinci Perusahaan Sosial Kebangsaan (RTPSK) atau *National Social Enterprise Blueprint* yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, di Pusat Kreativiti dan Inovasi Global Malaysia (MaGIC) pada 13 Mei 2015.

Dalam ucapan pelancarannya, Perdana Menteri menyatakan, kejayaan melaksanakan RTPSK

membolehkan sektor sosial menjadi lebih inovatif dan berdiri sendiri atau mencapai tahap kecukupan sendiri. Sementara sektor awam pula menjadi lebih kolaboratif dan memberikan perkhidmatan yang lebih baik, inovatif, dan kos yang efektif, di samping merangsang sektor swasta membuat pelaburan dalam ekonomi yang lebih mapan serta saksama. Menurut beliau, RTPSK dapat mengubah secara drastik sektor perusahaan sosial negara yang memberikan impak yang lebih signifikan sekiranya rakyat memahami konsep dan operasi perusahaan sosial tersebut.

Semanginya belum ada definisi spesifik yang disetujui tentang perusahaan dan keusahawanan sosial. Hal ini bermaksud, masih belum ada sebarang konsensus yang berkaitan dengan domain, bentuk, lingkungan, serta makna bagi perusahaan dan keusahawanan sosial. Keadaan ini menyebabkan sesetengah pihak memahami perusahaan sosial sebagai usaha perniagaan yang menggabungkan unsur keikhlasan dan kesungguhan bagi membantu (*altruisme*) amalan perniagaan yang memberikan keuntungan untuk membiayai operasinya.

Dalam RTPSK, perusahaan sosial dicirikan sebagai "entiti yang menyeimbangkan kesan atau impak kepada komuniti dengan pemerolehan perniagaan untuk menyelesaikan sesuatu isu sosial atau persekitaran yang sah mengikut undang-undang melalui penawaran yang didorong oleh keperluan pasaran" dan "entiti yang beroperasi melalui pelaksanaan aktiviti secara inklusif dan telus, serta pada masa yang sama, bertanggungjawab kepada pemegang saham atau pihak yang menerima manfaat".

Sehubungan dengan itu, Dato' Sri Mohd. Najib menegaskan, perusahaan dan keusahawanan sosial merupakan bahagian penting dalam ekonomi rakyat, iaitu ekonomi yang memungkinkan pertumbuhan yang mapan dan inklusif serta hasil pertumbuhan itu dikongsi secara bersama. Oleh sebab itu, kerajaan melancarkan RTPSK dengan bervi kerana perusahaan sosial merupakan perniagaan yang mampu membantu menangani masalah sosial yang kronik dan sekali gus meningkatkan peluang rakyat untuk menikmati kesejahteraan hidup dalam persekitaran yang dilindungi menerusi rangka kerja model perniagaan berteraskan keuntungan. Dengan kata lain, usahawan sosial mendapat keuntungan dengan menjual barangan dan perkhidmatan mereka dalam pasaran terbuka, tetapi melaburkan semula sebahagian besar daripadanya dalam perniagaan yang dilaksanakan atau kepada masyarakat setempat.

United Kingdom (UK), Amerika Syarikat (AS), Korea Selatan, Vietnam, Thailand, Singapura, Myanmar dan Australia, dilaporkan sudah mengiktiraf perusahaan sosial sebagai agenda utama nasional dan dengan itu, telah menubuhkan agensi khusus untuk menyebarkan maklumat tentang perusahaan sosial ke seluruh pelosok negara masing-masing. Hasilnya bilangan perusahaan

sosial meningkat dengan banyaknya. Misalnya, di Thailand, sehingga kini terdapat lebih daripada 120 ribu buah syarikat perusahaan sosial yang dibantu oleh Jabatan Perusahaan Sosial Thailand.

Di UK, sejak melaksanakan strategi perusahaan sosial kebangsaan pada tahun 2002, negara itu melabur berbilion-bilion paun sterling dalam sektor yang berkaitan. Kini terdapat lebih daripada 70 ribu buah perusahaan sosial di seluruh UK yang memberikan peluang pekerjaan kepada lebih sejuta rakyatnya dan menyumbang lebih lima peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Pada tahun 2014, dianggarkan 1161 buah perusahaan sosial yang aktif di UK dan menjanakan keuntungan 2.5 bilion paun sterling (RM13.5 bilion) yang kemudiannya dilaburkan semula dalam komuniti.

Di Malaysia, dianggarkan lebih 100 buah syarikat perusahaan sosial sedang beroperasi dalam bidang seperti pendidikan, pembangunan luar bandar, kemapanan pembangunan dan persekitaran, pembasmian kemiskinan, dan penyediaan pekerjaan kepada golongan yang terpinggir daripada arus pembangunan perdana. Bilangan ini tentunya tidak memadai untuk menghasilkan impak yang berkesan dan menyeluruh.

Bagi meningkatkan bilangan tersebut dan sekali gus meningkatkan potensi perusahaan sosial di negara ini, beberapa cabaran dan halangan perlu terlebih dahulu diatasi. Antara cabaran dan halangan itu termasuklah ketegaran dan ketiadaan kesedaran institusi, ketiadaan pengiktirafan undang-undang

**RTPSK merupakan perancangan tiga tahun yang menggariskan strategi dan aktiviti untuk mempercepat pembangunan sektor perusahaan sosial.**





dan struktur dasar, persepsi, dan pengiktirafan awam yang negatif, ketiadaan akses kepada modal insan yang berkualiti, ketiadaan akses kepada modal kewangan yang munasabah, serta ketiadaan sokongan untuk berkembang dan membesar.

Walaupun tidak mampu menangani semua cabaran dan halangan itu, pelancaran dan pelaksanaan RTPSK merupakan langkah permulaan yang wajar dialu-alukan. RTPSK merupakan perancangan tiga tahun yang menggariskan strategi dan aktiviti untuk mempercepat pembangunan sektor perusahaan sosial. Menjelang tahun 2018, diramalkan bahawa sektor perusahaan sosial negara mampu berdiri sendiri, saksama, dan berpusatkan rakyat.

Bagi merealisasikan, tiga langkah asas akan dilaksanakan, iaitu menubuhkan lebih banyak perusahaan sosial dan menambah bilangan usahawan sosial, memperluas ekosistem, dan meningkatkan pelibatan institusi awam dan swasta.

Ketiga-tiga langkah asas tersebut dijangkakan mendorong perkembangan strategik seperti yang berikut, iaitu mengaspirasikan pergerakan dengan mewujudkan sejumlah perusahaan sosial yang mapan dan mencukupi untuk membina rangkaian sokongan dan galakan kepada keusahawanan sosial; mewujudkan ekosistem yang

memungkinkan pelibatan yang inklusif dan merentas sektor, termasuk sektor awam dan sektor swasta supaya menggalakkan lebih banyak perkongsian, kolaborasi dan perantaraan; dan mewujudkan perubahan sistematik pada peraturan, percutaian dan rangka kerja pentadbiran untuk memastikan pertumbuhan sektor perusahaan sosial yang mapan, konsisten, dan berjangka masa panjang, di samping membuka pasaran baharu.

Pada penghujung perkembangan strategik tersebut tentulah impian untuk melihat ketiga-tiga sektor tradisi ekonomi, iaitu sektor sosial (yang terdiri daripada entiti yang tidak bermatlamatkan keuntungan), swasta (yang terdiri daripada entiti yang bermatlamatkan keuntungan) dan kerajaan (yang terdiri daripada entiti awam yang memberikan perkhidmatan dan mengedarkan keperluan) berubah, bukan sahaja dari segi dasar dan keutamaan, tetapi juga orientasi operasinya.

Sektor sosial misalnya diharap dapat mengurangkan kebergantungan terhadap sumber pendapatan yang tidak dapat dijangkakan atau diramalkan untuk meneruskan kelangsungan operasi, di samping meningkatkan keupayaan untuk memberikan impak yang lebih signifikan dan berkesan. Malahan hal ini lebih efektif dari segi kos bagi menyampaikan faedah kepada pihak yang sepatutnya serta memperluas skop penerimaan impak melangkaui profil para penerima faedah yang sedia ada.

Sektor sosial perlu mencipta sumber pendapatan baharu yang berupaya membantu bagi mengekalkan atau mengembangkan operasi, selain dengan bebasnya dapat memanfaatkan dana yang tidak diperuntukkan atau dikhaskan untuk kegunaan tertentu serta bebas menggunakan dana yang diperoleh untuk membuat pelaburan strategik dalam industri pembuatan atau perkhidmatan demi kepentingan penerima faedah.

Tindakan beberapa entiti sektor sosial yang tidak bermotifkan keuntungan untuk memberikan tumpuan pada usaha memperbaiki model operasi mereka demi memastikan kemapanaan dan kelangsungan jangka masa panjang. Antara tumpuan itu termasuklah menerima pakai model perniagaan baharu yang menjadikan komponen penjana hasil atau pendapatan sebagai pengimbang kepada risiko pengurangan penerimaan bantuan dan derma atau sumbangan daripada sumber tradisi.

Sektor swasta pula diharapkan mampu mencipta keupayaan dan kelebihan yang distingtif dengan meneroka pasaran yang secara tradisinya tidak berpotensi dan menyumbang lebih banyak kepada komuniti melalui kaedah filantropi yang strategik dan terkoordinasi. Untuk tujuan itu, sektor ini perlu menyediakan pulangan yang lumayan kepada pelabur yang semakin mengambil berat tentang pelaburan masing-masing, di samping mengukuhkan kewujudan serta membuktikan kemajuan dan pengaruh masing-masing dalam sesuatu pasaran baharu. Sektor ini juga wajar menyumbang kembali melangkaui kaedah kewangan, misalnya melalui sokongan berteraskan prinsip memenuhi keperluan dan meningkatkan keupayaan penerima faedah.

Tindakan beberapa entiti sektor swasta memantapkan aktiviti atau program keihisan masing-masing melangkaui skop tanggungjawab sosial korporat yang lazimnya beroperasi di bawah jabatan komunikasi dan pemasaran adalah wajar dan memberangsangkan. Lebih memberangsangkan apabila ada entiti sektor swasta yang menubuhkan yayasan dan secara berterusan menyumbang bantuan kewangan serta barang keperluan kepada sasaran yang bakal mendapat faedah. Dalam sektor kerajaan, terdapat tanda wujudnya keutamaan baharu untuk mengurangkan kos perkhidmatan dan penyebaran keperluan asas awam, yakni meningkatkan kualiti perkhidmatan dan kecekapan bagi memenuhi permintaan awam, di samping menyoergerakkan gerak balas terhadap rakyat yang sebelumnya terabai dan terpinggir daripada arus pembangunan nasional.

Sektor kerajaan sedang berusaha menghasilkan kaedah dengan kos efektif untuk membekalkan perkhidmatan dan keperluan asas kepada rakyat atau menyediakan bantuan dan perkhidmatan yang berpusatkan rakyat, serta menjadikan sektor kerajaan sebagai sektor yang inklusif dan partisipasi. Selaras dengan pelaksanaan dasar ekonomi berorientasikan rakyat, sektor kerajaan yang sekian lama ditanggapi sebagai penyedia perkhidmatan dan pembekal keperluan asas awam, kini beransur-ansur beralih ke arah melaksanakan pendekatan mendahulul rakyat. Pendekatan mendahulukan rakyat ini tentunya memerlukan pelbagai inovasi dalam perkhidmatan yang ditawarkan supaya perkhidmatan yang disediakan kekal relevan dan bermanfaat.

Menurut Dato' Sri Mohd. Najib, Malaysia mesti menerima pakai pendekatan yang bermodel perniagaan untuk menangani isu sosial dan persekitaran demi kemakmuran negara. Usahawan sosial, menurut beliau, akan membangunkan model perniagaan yang inovatif yang menggabungkan kapitalisme tradisional dengan penyelesaian yang memenuhi keperluan jangka masa panjang.

Kesan evolusi pelbagai keutamaan dalam kalangan sektor tradisi, maka sektor keempat yang mungkin lebih tepat dinamakan sebagai sektor "untuk manfaat" perlu diwujudkan dengan sokongan usahawan yang dirangsang oleh impak untuk membantu menyelesaikan isu sosial atau persekitaran berteraskan pendekatan perniagaan yang memberikan keuntungan.

Sektor keempat ini mementingkan faedah dan manfaat kepada semua pihak yang berkepentingan, khususnya kepada rakyat untuk mendapat faedah. Sehingga kini sektor ini banyak menghasilkan varian entiti yang digabungkan, seperti perusahaan sosial. Entiti ini mempunyai misi sosial dan persekitaran sebagai teras dan model perniagaan yang mencipta nilai, bukan sahaja kepada ekonomi tetapi juga komuniti dan persekitaran.

Kewujudan dan kepentingan sektor keempat ini tidak akan terserlah tanpa definisi yang tuntas tentang skop operasi, peraturan dan perundangan, pengurusan pentadbiran dan kewangan, kuasa-kuasa yang diizinkan, dan sebagainya. Maka hal inilah yang perlu diselesaikan terlebih dahulu. Selain itu, elemen penting dalam sektor keempat ini, khususnya entiti perusahaan sosial ialah kesukarelaan.

Konsep dan prinsip kesukarelaan memerlukan takrifan yang tuntas, terutamanya yang berkaitan dengan usaha mendapatkan keuntungan dan menyerahkannya semula kepada komuniti yang memerlukannya. Semua pihak yang berkaitan perlu sama-sama menjadikan Malaysia juara dunia dalam arena penggabungan pakar kesukarelaan serta Kuala Lumpur sebagai pangkalan perkongsian dan aktiviti kesukarelaan untuk profesional antarabangsa. **de**

**Sektor kerajaan sedang berusaha menghasilkan kaedah dengan kos efektif untuk membekalkan perkhidmatan dan keperluan asas kepada rakyat.**

**Sektor sosial perlu mencipta sumber pendapatan baharu yang berupaya membantu bagi mengekalkan atau mengembangkan operasi.**